

**TAHAP LITERASI KOMPUTER DALAM KALANGAN
GURU MATEMATIK DAN SAINS DI SEKOLAH-
SEKOLAH MENENGAH DI
DAERAH SEMPORNA,
SABAH.**



MOHD. ASRI BIN ISPAL

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006

ABSTRAK

TAHAP LITERASI KOMPUTER DALAM KALANGAN GURU MATEMATIK DAN SAINS DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH SEMPORNA, SABAH.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi komputer dalam kalangan guru yang terlibat dalam mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Semporna, Sabah. Beberapa pembolehubah telah dikenalpasti untuk melihat sejauhmana ia memberi kesan terhadap tahap literasi. Antara pembolehubah yang telah dipilih dalam kajian ini ialah jantina, umur, kekerapan menggunakan komputer, pemilikan komputer, sikap guru dan kemudahan prasarana komputer yang sedia ada di sekolah. Instrumen yang digunakan untuk mengukur tahap literasi komputer adalah terjemahan daripada instrumen asal oleh Kay (1993) yang dikenali dengan nama 'CAS' (*Computer Ability Scale*) manakala instrumen yang digunakan untuk mengukur sikap guru terhadap komputer adalah berdasarkan soal selidik yang telah dibina oleh Chin & Hortin (1993). Soal selidik berkenaan telah diubahsuai dan diedarkan kepada 50 orang guru yang dijadikan responden. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, nilai min, ujian-t dan juga nilai r untuk melihat perhubungan pembolehubah yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jantina dan umur tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap tahap literasi komputer. Manakala kekerapan menggunakan komputer dan pemilikan komputer di rumah mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap literasi komputer. Dapatan kajian juga menunjukkan kemudahan prasarana komputer di sekolah dan sikap guru tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap literasi komputer.

ABSTRACT

COMPUTER LITERACY LEVEL AMONG MATHEMATICS AND SCIENCE TEACHER IN SECONDARY SCHOOLS AT SEMPORNA DISTRICT, SABAH.

This study is made to identify computer literacy level among Mathematics and Science teacher in some secondary schools at Semporna district, Sabah. Some of the variables are recognized useful to see how far they can give effect to computer literacy level. The chosen variables in this study are sex, age, frequency of computer usage, computer ownership, teachers attitude and computer facilities that available at school. The instrument that has been used to measure the computer literacy level is known as CAS (Computer Ability Scale) which were translation from the original instrument by Kay, R.H. (1993) while instrument used to measure teachers attitude towards computer is based on questionnaires build by Chin, S. & Hortin, J.A. (1993). The questionnaires has been modified and distributed to 50 teachers held as respondent. The data is analized by using SPSS software (Statistical Package for the Social Science) in attempts to get the frequency, percentage, mean value, t-test and the r value to see the relationship between variables studied. Result of the study clarifies that sex and age did not indicate any significance difference towards computer literacy level. Meanwhile frequency of computer usage and computer ownership at home has a significance positive relationship with computer literacy level. The result also shown that available computer facilities at school and teachers attitude did not indicate any significance relationship with computer literay level.